



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NILAI KEMANUSIAAN DALAM KUMPULAN CERPEN *TĀMARAI ILAIKĀL*



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

VENO A/L SUPAYA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NILAI KEMANUSIAAN DALAM KUMPULAN CERPEN *TĀMARAI ILAIKAL*

VENO A/L SUPAYA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA (KESUSAESTERAAN TAMIL)
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI,
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (\)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ...¹²...(hari bulan)¹⁰..... (bulan) 20...²¹...

i. Perakuan pelajar :

Saya, Veno A/L Supaya, M20171000946, Fakulti Bahasa & Komunikasi (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Nilai Kemanusiaan Dalam Kumpulan Cerpen Tamarai Ilaikal

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Prof. Madya Dr. Manonmani Devi A/P M.A.R Annamalai (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Nilai Kemanusiaan Dalam Kumpulan Cerpen Tamarai Ilaikal

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera (Kesusasteraan Tamil) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

07/06/2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia
Assoc. Prof. Dr. Manonmani Devi M.A.R. Annamalai
Faculty of Languages and Communication,
Sultan Idris Education University,
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: Nilai Kemanusiaan Dalam Kumpulan Cerpen Tamarai Ilaikal

No. Matrik /Matric's No.: M20171000946

Saya / / : Veno a/l Supaya

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
 2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
 3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
 4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Faculty of Languages and Communication,
Sultan Idris Education University,
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

Catatan: Jika Tesis/Dissertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan kepada Tuhan kerana dengan limpah kurnianya, penyelidik dapat menyiapkan penyelidikan ini dengan sempurna setelah mengharungi pelbagai cabaran. Penyelidik juga ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia, Dr. Manonmani Devi atas bimbingan dan sokongan yang diberi sepanjang tempoh penyelidikan projek ini. Penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa En. Supaya dan Pn. Pushpa atas segala doa, didikan dan sokongan sejak kecil lagi. Penyelidik juga menghargai komitmen yang diberikan oleh informan-informan sepanjang kajian ini. Akhir sekali, penyelidik ingin menghargai rakan-rakan seperjuangannya, yang sentiasa menghargai sokongan serta kerjasama yang telah diberikan sepanjang penyelesaian tugas ini. Semoga kita mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikal*. Kajian ini mempunyai tiga objektif iaitu, mengenal pasti nilai-nilai kemanusiaan, menganalisis nilai-nilai kemanusiaan dan menjelaskan unsur-unsur pengajaran yang terkandung dalam kumpulan cerpen tersebut. Kajian ini mengaplikasi teori *Aram* yang digagaskan oleh Tiruvalluvar. Pendekatan kualitatif berbentuk deskriptif telah digunakan dalam kajian ini. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah berbentuk kaedah keperpustakaan. Analisis deskriptif memberikan gambaran mengenai nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikal* mengikut perspektif teori *Aram*. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 19 nilai kemanusiaan mengikut perspektif teori *Aram* dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikal*. Kajian ini membuktikan bahawa 19 nilai kemanusiaan tersebut dapat membantu dalam menganalisis sebuah kumpulan cerpen. Melalui kajian ini penyelidik dapat menyimpulkan bahawa kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikal* merupakan sebuah karya yang kaya dengan nilai-nilai kemanusiaan. Kesimpulannya, kajian ini telah menunjukkan bahawa kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikal* karya Paavai mampu memberi kesan dalam pembentukan akhlak manusia. Implikasi kajian ini adalah membantu pembaca untuk memahami dan mengaplikasikan nilai-nilai kemanusiaan dalam kehidupan seharian serta bakal penyelidik dapat menggunakan kajian ini sebagai sumber rujukan.





HUMAN VALUES IN *TĀMARAI ILAIKAL* SHORT STORY

ABSTRACT

This study aims to examine and explain the human values in the group of short stories *Tāmarai Ilaikal*. This study has three objectives, namely to identify the human values, to analyze the human values and to explain the teaching elements which is contained in the group of short stories. This study uses the theory of *Aram* conceived by a writer known as Tiruvalluvar. A qualitative descriptive approach was used in this study. The research method used in this study is in the form of library method. Descriptive analysis gives an overview about the human values in the group of short stories *Tāmarai Ilaikal* in accordance to the theory of *Aram*. The results of the study shows that there are nineteen human values which is in accordance to the theory of *Aram* in the group of short stories *Tāmarai Ilaikal*. This study also proves that these nineteen human values helped in analyzing the group of short story. Through this study, researcher can conclude that the group of short stories *Tāmarai Ilaikal* is a piece of work which is rich in human values. In conclusion, this study has shown the group of short stories *Tāmarai Ilaikal* by Paavai is able to influence the moral values of humans. The implication of this study is to help the readers to understand and apply these human values in their daily lives and prospective researchers can use this study as a reference source.





KANDUNGAN

Muka Surat

KEASLIAN PENULISAN	ii
PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
TRANSILERASI	xix
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.7 Batasan Kajian	12





1.8 Sumber Kajian	14
1.8.1 Sumber Primer	14
1.8.2 Sumber Sekunder	15
1.9 Definisi Operasional	15
1.9.1 Nilai	15
1.9.2 Kemanusiaan	17
1.9.3 Cerpen	19
1.10 Kesimpulan	20

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	22
2.2 Nilai Kemanusiaan	23
2.3 sta <i>Tāmarai Ilaikal</i> f Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	24
2.4 Latar Belakang Teori Kajian	25
2.4.1 Asal-usul Teori <i>Aram</i>	25
2.4.2 Asal-usul Pencipta Teori <i>Aram</i>	25
2.4.3 Zaman Teori <i>Aram</i>	26
2.4.4 Teori <i>Aram</i>	27
2.5 Kajian-kajian Lepas	28
2.6 Kesimpulan	40

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	42
3.2 Reka Bentuk Kajian	43





3.3	Kerangka Kajian	45
3.4	Kaedah Kajian	46
3.4.1	Kaedah Kajian Kepustakaan	46
3.4.2	Kaedah Analisis Teks	47
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	48
3.5.1	Pembacaan Data	49
3.5.2	Pemilihan Data	50
3.5.3	Pembahagian Data	51
3.6	Kaedah Menganalisis Data	51
3.6.1	Justifikasi Pemilihan Kaedah Analisis Teks	53
3.7	Teori Kajian	54
3.7.1	Teori <i>Aram</i>	54
3.7.1.1	<i>Illaraviyal</i> (Kekeluargaan)	55
3.8	Aplikasi Teori <i>Aram</i> dalam Kumpulan Cerpen <i>Tāmarai Ilaikal</i>	56
3.9	Kerangka Teori	58
3.10	Kesimpulan	59

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	60
4.2	Mengenal Pasti Nilai-nilai Kemanusiaan dalam Kumpulan Cerpen <i>Tāmarai Ilaikal</i>	61
4.2.1	Bab 5 <i>Ilvālkkai</i> (Kehidupan Berkeluarga) (Kural ke 41 – 50)	61
4.2.2	Bab 6 <i>Vālkkait Tuṇinalam</i> (Sifat Baik Teman Hidup) (Kural ke 51 - 60)	62





4.2.3	Bab 7 Makkatpēru (Anak-pinak) (<i>Kural</i> ke 61 - 70)	64
4.2.4	Bab 8 Anpuṭaimai (Kecintaan) (<i>Kural</i> ke 71 - 80)	66
4.2.5	Bab 9 Viruntōmpal (Sanjungan Tetamu) (<i>Kural</i> ke 81 - 90)	67
4.2.6	Bab 10 Iniyavai Kūral (Kemesraan Bahasa) (<i>Kural</i> ke 91 - 100)	68
4.2.7	Bab 11 Ceynnanriyarital (Mengenang Budi) (<i>Kural</i> ke 101 - 110)	69
4.2.8	Bab 12 Naṭuvunilaimai (Ketelusan Hati) (<i>Kural</i> ke 111 - 120)	70
4.2.9	Bab 13 Aṭakkam Uṭaimai (Penguasaan Diri Sendiri) (<i>Kural</i> ke 121 - 130)	71
4.2.10	Bab 14 Ołukkam Uṭaimai (Kelakuan Baik) (<i>Kural</i> ke 131 - 140)	72
4.2.11	Bab 15 Piranil Vilaiyāmai (Kemurniaan Isteri Orang) (<i>Kural</i> ke 141 - 150)	73
4.2.12	Bab 16 Poraiyuṭaimai (Pengampunan) (<i>Kural</i> ke 151 - 160)	73
4.2.13	Bab 17 Alukkārāmai (Ketiadaan Iri Hati) (<i>Kural</i> ke 161 - 170)	74
4.2.14	Bab 18 Vehkāmai (Ketiadaan Perasaan Loba) (<i>Kural</i> ke 171 - 180)	75
4.2.15	Bab 19 Puraṅkūrāmai (Pengelakkan Perbuatan Loba) (<i>Kural</i> ke 181 - 190)	75
4.2.16	Bab 20 Payanila Collāmai (Bencana Kata-kata Sombong) (<i>Kural</i> ke 191 – 200)	76
4.2.17	Bab 21 Tīviṇai Accam (Kegentaran Perbuatan Jahat) (<i>Kural</i> ke 201 – 210)	77
4.2.18	Bab 22 Oppuravu Arital (Mengenali Kepuasan Hati) (<i>Kural</i> ke 211 – 220)	78





4.2.19	Bab 23 <i>Īkai</i> (Pemberian Derma) (<i>Kural</i> ke 221 – 230)	79
4.2.20	Bab 24 <i>Pukal</i> (Kemasyuran) (<i>Kural</i> ke 231 – 240)	80
4.3	Menganalisis Nilai-nilai Kemanusiaan dalam Kumpulan Cerpen <i>Tāmarai Ilaikal</i>	80
4.3.1	Bab 5 <i>Ilvālkkai</i> (Kehidupan Berkeluarga)	81
4.3.2	Bab 6 <i>Vālkkait Tuṇainalam</i> (Sifat Baik Teman Hidup)	85
4.3.3	Bab 7 <i>Makkaṭpēru</i> (Anak-pinak)	94
4.3.4	Bab 8 <i>Anpuṭaimai</i> (Kecintaan)	109
4.3.5	Bab 9 <i>Viruntōmpal</i> (Sanjungan Tetamu)	115
4.3.6	Bab 10 <i>Iniyavai Kūral</i> (Kemesraan Bahasa)	120
4.3.7	Bab 11 <i>Ceynnanriyarital</i> (Mengenang Budi)	125
4.3.8	Bab 12 <i>Nātuvuinilaimai</i> (Ketulusan Hati)	130
4.3.9	Bab 13 <i>Aṭakkam Utaimai</i> (Penguasaan Diri Sendiri)	131
4.3.10	Bab 14 <i>Olkukkam Utaimai</i> (Kelakuan Baik)	136
4.3.11	Bab 16 <i>Poraiyuṭaimai</i> (Pengampunan)	140
4.3.12	Bab 17 <i>Alukkārāmai</i> (Ketiadaan Iri Hati)	145
4.3.13	Bab 18 <i>Veḥkāmai</i> (Ketidaan Perasaan Loba)	146
4.3.14	Bab 19 <i>Puraṅkūrāmai</i> (Pengelakkan Perbuatan Loba)	148
4.3.15	Bab 20 <i>Payanila Collāmai</i> (Bencana Kata-kata Sombong)	151
4.3.16	Bab 21 <i>Tīviṇai Accam</i> (Kegentaran Perbuatan Jahat)	158





4.3.17	Bab 22 <i>Oppuravu Arital</i> (Mengenali Kepuasan Hati)	161
4.3.18	Bab 23 <i>Ikai</i> (Pemberian Derma)	164
4.3.19	Bab 24 <i>Pukal</i> (Kemasyuran)	166
4.4	Menjelaskan Unsur-unsur Pengajaran yang Terkandung dalam Kumpulan Cerpen <i>Tamarai Ilaikal</i>	168
4.4.1	Mempunyai Perasaan Kasih Sayang antara Pasangan Hidup	168
4.4.2	Bertanggungjawab Terhadap Keluarga	173
4.4.3	Menjadi Anak yang Bertanggungjawab	176
4.4.4	Mempunyai Sifat Kasih Sayang	180
4.4.5	Menyambut Tetamu dengan Baik	183
4.4.6	Mengucapkan Kata-kata yang Manis	185
4.4.7	Mengenang Budi Baik Seseorang	188
4.4.8	Bersikap Adil dan Saksama	190
4.4.9	Memiliki Sikap Rendah Hati	192
4.4.10	Berdisiplin	194
4.4.11	Bersabar dalam Kehidupan	196
4.4.12	Menjauhi Diri dari Sifat Iri Hati dan Cemburu	199
4.4.13	Menjauhi Diri dari Mengumpat atau Memfitnahkan Orang	201
4.4.14	Menjauhi Diri dari Pengucapan yang Tidak Berfaedah	204
4.4.15	Berasa Takut untuk Melakukan Perbuatan Jahat	207
4.4.16	Bersikap Murah Hati	209
4.4.17	Berusaha untuk Bersedekah	212
4.4.18	Berusaha untuk Mendapatkan Kemasyuran	214



**BAB 5 PENUTUP**

5.1 Pengenalan	218
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	219
5.3 Implikasi Kajian	224
5.4 Cadangan Kajian Lanjut	226
5.5 Kesimpulan	228

RUJUKAN	229
----------------	-----

LAMPIRAN	232
-----------------	-----





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
4.1 Cerpen-cerpen yang Mengandungi Nilai Kemanusiaan <i>Ilvālkkai</i> (Kehidupan Berkeluarga)	62
4.2 Cerpen-cerpen yang Mengandungi Nilai Kemanusiaan <i>Vālkkait Tuṇainalam</i> (Sifat Baik Teman Hidup)	63
4.3 Cerpen-cerpen yang Mengandungi Nilai Kemanusiaan <i>Makkatpēru</i> (Anak-pinak)	64
4.4 Cerpen-cerpen yang Mengandungi Nilai Kemanusiaan <i>Anputaimai</i> (Kecintaan)	66
4.5 Cerpen-cerpen yang Mengandungi Nilai Kemanusiaan <i>Viruntōmpal</i> (Sanjungan Tetamu)	67
4.6 Cerpen-cerpen yang Mengandungi Nilai Kemanusiaan <i>Iniyavai Kūral</i> (Kemesraan Bahasa)	69
4.7 Cerpen-cerpen yang Mengandungi Nilai Kemanusiaan <i>Ceynnanriyarital</i> (Mengenang Budi)	70
4.8 Cerpen-cerpen yang Mengandungi Nilai Kemanusiaan <i>Natuvunilaimai</i> (Ketulusan Hati)	71
4.9 Cerpen-cerpen yang Mengandungi Nilai Kemanusiaan <i>Ātakkam Utaimai</i> (Penguasaan Diri Sendiri)	71
4.10 Cerpen-cerpen yang Mengandungi Nilai Kemanusiaan <i>Olkukkam Utaimai</i> (Kelakuan Baik)	72
4.11 Cerpen-cerpen yang Mengandungi Nilai Kemanusiaan <i>Poraiyutaimai</i> (Pengampunan)	73
4.12 Cerpen-cerpen yang Mengandungi Nilai Kemanusiaan <i>Alukkārāmai</i> (Ketiadaan Iri Hati)	74





4.13	Cerpen-cerpen yang Mengandungi Nilai Kemanusiaan <i>Vehkāmai</i> (Ketiadaan Perasaan Loba)	75
4.14	Cerpen-cerpen yang Mengandungi Nilai Kemanusiaan <i>Purañkūrāmai</i> (Pengelakkan Perbuatan Loba)	76
4.15	Cerpen-cerpen yang Mengandungi Nilai Kemanusiaan <i>Payanila Collāmai</i> (Bencana Kata-kata Sombong)	76
4.16	Cerpen-cerpen yang Mengandungi Nilai Kemanusiaan <i>Tīviñai Accam</i> (Kegentaran Perbuatan Jahat)	78
4.17	Cerpen-cerpen yang Mengandungi Nilai Kemanusiaan <i>Oppuravu Arital</i> (Mengenali Kepuasaan Hati)	79
4.18	Cerpen-cerpen yang Mengandungi Nilai Kemanusiaan <i>Ikai</i> (Pemberian Derma)	79
4.19	Cerpen-cerpen yang Mengandungi Nilai Kemanusiaan <i>Pukal</i> (Kemasyuran)	80





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Reka Bentuk Kajian	45
3.2 Aplikasi Teori <i>Aram</i> dalam Kumpulan Cerpen <i>Tāmarai Ilaikal</i>	58





SENARAI SINGKATAN

3M	Menulis, Membaca, Mengira
4M	Menulis, Membaca, Mengira, Manusiawi
<i>Aran</i>	<i>Arattuppāl</i>
DBP	Dewan Bahasa Pustaka
DR	Kedoktoran
En	Encik
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
HSU	Hadiah Sastera Utusan



KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
<i>Kural</i>	<i>Tirukkural</i>
M.s.	Muka Surat
Pn	Puan
RMK 9	Rancangan Malaysia Ke-9
SM	Sebelum Masihi
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
YAB	Yang Amat Berhormat





SENARAI LAMPIRAN

- A Cerpen-cerpen dalam Kumpulan Cerpen *Tāmarai Ilaikal*
- B Dua Puluh Bab *Illaraviyal* (Kekeluargaan)
- C Nilai-nilai Kemanusiaan Mengikut Teori *Aram*
- D Nilai-nilai Kemanusiaan yang Terdapat dalam Kumpulan Cerpen *Tāmarai Ilaikal*
- E Bilangan Cerpen dalam Kumpulan Cerpen *Tāmarai Ilaikal*
Karya Paavai Mengikut Nilai Kemanusiaan daripada Teori *Aram*
- F Bilangan Jenis Nilai Kemanusiaan Mengikut Tajuk Cerpen
- G Borang Pengiktirafan 1
- H Borang Pengiktirafan 2





TRANSLITERASI TAMIL

Penggunaan transliterasi nama-nama dan istilah-istilah Tamil melalui translasi bahasa Melayu adalah berdasarkan kepada sistem transliterasi yang digunakan dalam *Tamil Lexicon*. Berikut adalah dasar kepada transliterasi huruf-huruf bahasa Tamil.

UYIR ELUTTU / VOKAL

a - அ	ū - உா	ō - ஒ
ā - ஆ	e - ஏ	au - ஓா
i - ஈ	ē - ஏ	k - கோ
ī - ஏ	ai - ஐ	
u - உ	o - ஒ	

MEY ELUTTU / KONSONEN

k / g - க்	ñ - ஞ்	y - ய்
c - ச்	ñ - ஞ்	r - ர்
t - த்	ந் - ன்	l - ல்
t̪ - த்	n - ன்	v - வ்
p - ப்	m - ம்	l̪ - ல்
r̪ - ப்	ந் - ன்	l̪ - ல்





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

XX

KIRANTA ELUTTU

j - ജ	h - ഹ	sri - ശ്രീ
ഃ - ഖ	s - സ്	



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN



Kesusasteraan merupakan suatu wadah atau ekspresi hidup yang amat penting kerana termuat dengan nilai kemanusiaan yang dijadikan alat untuk menyempurnakan kehidupan manusia sehari-hari. Karya sastera seperti novel, cerpen, pantun, syair, sajak dan cerita rakyat jelas mencerminkan nilai-nilai kemanusiaan yang diamalkan oleh manusia dan telah memulakan tradisi penerapan nilai-nilai kemanusiaan kepada masyarakat. Sastera moden melalui hasil karya cerpen dan novel turut menyambungkan tradisi tersebut dengan menerapkan nilai-nilai kemanusiaan kepada masyarakat. Penulisan dan penciptaan cerpen ialah satu ciptaan dan serlahan pengucapan bertulis yang indah membicarakan tentang sesuatu hal dan kejadian (Roslan, 2007).





1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Jesuthas (2010), sastera merupakan suatu unsur yang menceritakan kisah manusia secara teratur. Genre-genre ini menjadi panduan untuk mencerminkan kebudayaan masyarakat serta menjadi alat untuk memperlihatkan aliran pemikiran sesuatu masyarakat. Oleh hal demikian, sastera boleh dijadikan sebagai bahan bukti secara dokumen rasmi yang mengisahkan kehidupan manusia secara menyeluruh dalam sesebuah masyarakat. Para pengkaji antropologi dan sosiologi menitikberatkan bahan sastera sebegini sebagai bukti untuk memaparkan sosiobudaya sesebuah masyarakat. Abad ke-18 merupakan abad yang penting dalam perkembangan sastera Tamil moden. Novel dan cerpen dari barat mula meresap dalam sastera prosa. Perkara tersebut turut memberi impak dalam kesusasteraan Tamil dengan merubah wajah



Mengenai perkembangan sastera Tamil, masyarakat India di Malaysia, pada awalnya terdiri daripada ahli perniagaan, duta politik dan ahli falsafah. Mereka tidak berusaha untuk membentuk tamadun di Malaysia disebabkan mereka tidak bermastautin tetap (Mahajani, Usha, 1973).

Tahap perkembangan bahasa Tamil dalam kalangan masyarakat India bergantung pada hasil penciptaan karya bangsa India. Mereka menggunakan bahasa Tamil sebagai alat pertuturan dan berusaha mengembangkan peradaban serta memajukan kesusasteraan Tamil mengikut peredaran masa (Akilan, 2002).





Menurut Siti Aisah Murad (2009), cerpen diberi definisi ringkas sebagai suatu ciptaan seni yang indah, disampaikan melalui bahasa, latar, plot, sudut pandangan dan watak terpilih. Semua unsur cerpen ini boleh dijadikan sebagai wahana nilai kemanusiaan yang boleh memberikan ganjaran positif kepada pembaca.

Cerpen dikategorikan sebagai genre sastera. Cerpen ialah genre sastera yang paling popular dalam kesusteraan moden sejak abad ke-18. Namun, pada abad ke-20 sahaja cerpen Tamil yang berasaskan tatabahasa mula diterbitkan. Cerpen mencerminkan latar belakang sesebuah masyarakat. Ia juga berperanan mengambarkan kehidupan masyarakat dengan menokok tambah unsur-unsur keindahan alam (Murasu Nedumaran, 1997).



Cerpen dapat dibaca dalam lingkungan masa 30 minit hingga satu jam. Biasanya cerpen lebih ringkas berbanding novel. Perwatakan yang diwujudkan dalam cerpen boleh mewakili individual atau sekumpulan orang. Melalui cerpen, pengarang berpeluang menyampaikan segala unsur nilai kemanusiaan yang berkaitan dengan isu-isu persekitaran dan semasa kepada masyarakat. Perkara ini membolehkan pengarang membincangkan isu-isu dan maklumat tentang cara hidup masyarakat, nilai kemanusiaan di kalangan sesebuah masyarakat, masalah sosial, ekonomi maupun politik. Faktor bahasa yang mudah membolehkan para pembaca dapat menumpukan perhatian terhadap cerpen. Penghasilan karya dengan bahasa yang mudah menjadi faktor pembaca gemar membaca cerpen berbanding dengan karya yang lain (Premavathi, 2004).



Cerpen bukan sahaja mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat, malah dengan pengarangnya. Proses pengarangan penulis dihubung rapatkan dengan pengalaman beliau dalam masyarakat dan persekitaran. Pengarang juga akan mengolah dengan memberikan pandangan dengan cara tersendiri supaya karya yang dihasilkan akan menjadi lebih menarik dan bermakna (Mana Sikana, 2013).

Menurut Subramaniam (1978), pengarang merupakan seorang anggota masyarakat yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kehidupan masyarakat. Segala peristiwa yang berlaku pada diri sendiri, keluarga dan masyarakat akan menjadi idea untuk berkarya. Perhubungan pengarang dengan masyarakat akan berterusan selagi pengarang menjadi salah seorang dari anggota masyarakatnya. Demikian itu jelaslah seseorang pengarang perlu peka terhadap persekitarannya.

Melalui cerpen juga, seseorang pengarang dapat memberikan penyelesaian terhadap pelbagai persoalan hidup yang dihadapi oleh sesuatu masyarakat.

Menurut Profesor Dr. Yusuf al-Qardhawi (1997), nilai-nilai kemanusiaan itu mesti dipandu oleh ilmu, amal dan iman. Di samping itu, manusia perlu hidup dengan perasaan kasih sayang dan persaudaraan dengan mengutamakan orang lain. Menurutnya lagi, nilai-nilai kemanusiaan juga dipandu dengan kesatuan yang menjadi keperluan persaudaraan, saling menolong, bantu-membantu dan sayang-menayangi antara satu sama lain dalam kehidupan bermasyarakat. Ini tambahnya, boleh dilakukan melalui kerjasama dari segi material dan moral dalam kehidupan dan mengamalkan persaudaraan yang tidak pernah mengenal kedudukan dalam kehidupan bermasyarakat. Oleh itu, manusia perlu kembali kepada asas-asas ini bagi mendidik hati dan jiwa dengan nilai-nilai kemanusiaan iaitu mengutamakan kasih sayang dan



nilai persaudaraan yang akrab dalam kehidupan bermasyarakat. Nilai kemanusiaan ini juga harus menjadi budaya dan kesopanan dalam masyarakat bagi membentuk manusia sentiasa beradab dan mengamalkan nilai-nilai yang mutlak.

Menurut Aminudin Mansor (2015), di peringkat sekolah rendah dan menengah, pelajar telah dididik dengan nilai-nilai murni dan kemanusiaan dalam mata pelajaran seperti Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Tamil, Bahasa Cina, Pendidikan Moral, Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. Keberkesan pengajaran dan pendidikan dalam subjek ini sewajarnya mampu menyempurnakan akhlak baik kepada pelajar. Nilai-nilai kemanusiaan tersebut adalah seperti baik hati, kasih sayang, berdikari, hemah tinggi, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, amanah, kerajinan, kesederhanaan, kesyukuran, dan rasional dalam kehidupan.

Melalui pendidikan dan pengajaran di sekolah, seseorang itu telah belajar dan memahami serta menghayati nilai-nilai kemanusiaan yang baik itu untuk diperaktikkan dalam kehidupan seharian.

Bekas Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik ketika berucap di Majlis Perasmian Seminar Profesional Pendidik Guru Muda peringkat kebangsaan, mengatakan bahawa golongan pendidik disaran agar menerapkan nilai kemanusiaan dalam proses pengajaran sebagai usaha membina generasi masa depan yang berakhhlak mulia. Ucapan beliau dipetik seperti berikut,





Sifat manusiawi ini perlu diterapkan oleh guru kepada setiap diri murid bermula dari peringkat pra-sekolah sehingga ke menengah supaya dapat membentuk sahsiah yang baik seperti bersikap rajin dan pembersih. Sebenarnya ia sudah banyak dilaksanakan di sekolah-sekolah di luar negara seperti di Jepun dan Finland, sekolah bukan lagi tempat persaingan namun tempat pembelajaran nilai-nilai kemanusiaan.

(Dr Maszlee Malik, 2018, ms.1)

Bekas Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik berkata langkah itu perlu dilaksanakan agar masa depan negara ini diwarisi golongan yang berkekerti tinggi. Menurutnya, proses pengajaran sebelum ini hanya menerapkan konsep 3M (menulis, membaca dan mengira) namun kini perlu ditambah kepada 4M iaitu manusiawi.

1.3 Pernyataan Masalah



Malaysia masih sebuah negara yang membangun. Perubahan besar telah memberi banyak impak positif dari segi ekonomi, pembangunan, perindustrian dan sebagainya. Walaupun negara kita telah mencapai pelbagai kejayaan yang boleh dibanggakan namun tidak keterlaluan jika dikatakan negara kita masih lemah dalam menangani masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja. Masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja merupakan masalah yang semakin serius. Kekalutan masalah sosial amat membimbangkan banyak pihak kerana boleh merosakkan jati diri dan budaya serta menjatuhkan tamadun bangsa Malaysia. Moha Asri (1999) menyatakan bahawa tahap peningkatan gejala keruntuhan akhlak semakin berleluasa pada akhir tahun 1980-an sehingga ke hari ini dengan statistik dan jenis gejala sumbang yang amat membimbangkan semua pihak. Kelonggaran nilai-nilai kemanusiaan dalam kalangan remaja dicerminkan oleh keganasan dan kekejaman seperti keganasan





juvana, vandalism, merogol, membunuh, membakar mangsa serta membuang mayat di merata tempat. Kebanyakan golongan ini mudah terpengaruh dengan anasir luar terutamanya dari negara-negara Barat. Keadaan ini telah menyebabkan golongan ini tertarik dengan tindakan yang tidak berperikemanusiaan. Perbuatan sebegini akan menghancurkan masa hadapan remaja negara kita (Utusan Malaysia, 3 Jun 2015). Dengan ini ternyata bahawa pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan sangat diperlukan untuk menyokong teras pembentukan seseorang individu, terutamanya dari segi pemupukan ilmu, kemahiran dan nilai kemanusiaan yang berkaitan dengan aspek intelek dan emosi.

Semua permasalahan yang diutarakan dalam cerpen-cerpen karya Paavai menunjukkan pengarang begitu sensitif dengan persoalan kemanusiaan. Hal ini dapat dikaitkan dengan kehidupan masyarakat dan khalayak tempatan. Pada era globalisasi ini, para remaja lebih tertarik kearah dunia hiburan dan teknologi sehingga kurangnya kesedaran untuk mengaplikasi nilai kemanusiaan dalam kehidupan seharian (Utusan Malaysia, 19 Disember 2016). Dengan mengkaji nilai kemanusiaan, pengkaji dapat memberi kesedaran tersebut kepada kalangan remaja. Watak-watak dalam karya sastera yang terpilih boleh membentuk seseorang remaja menjadi seorang insan yang berfikiran rasional dan matang merangkumi nilai kebaikan, kebenaran, kehalusan budi pekerti, kesantunan bahasa, kecekalan hati, keindahan seni dan seterusnya menghargai kehidupan serta nilai kemanusiaan.

Pada masa kini, kalangan remaja kurang memahami nilai-nilai dan adat ketimuran orang India (Anushea Veni, 2015). Hal ini sedemikian, nilai kemanusiaan yang ditonjolkan melalui watak-watak dalam kumpulan cerpen Paavai juga





mempunyai persamaan dengan nilai-nilai dan adat ketimuran orang India. Kajian tentang nilai kemanusiaan amat sesuai untuk dilakukan kerana kepentingan untuk menanam nilai kemanusiaan dalam kalangan remaja dapat dipenuhi dengan membaca cerpen-cerpen Paavai.

Kalangan remaja mahupun masyarakat tidak menghayati nilai-nilai kemanusiaan seperti menjaga nama baik keluarga, tidak menyakiti perasaan orang lain, mengembangkan sikap kesopanan, menjunjung hak asasi manusia dan banyak lagi dalam kehidupan seharian (My Metro, 15 Januari 2018). Bagi mengatasi kekangan ini, cerpenis mengarang pelbagai cerpen yang berdasarkan kepada nilai-nilai kemanusiaan tersebut. Kesemua nilai yang digambarkan melalui watak-watak di dalam cerpen dipercayai dapat memberikan penghayatan yang lebih menyeluruh.

Oleh itu, pengkaji harus menegaskan bahawa pemilihan tajuk kajian ini amat sesuai dengan peredaran zaman moden masa kini. Kajian berkaitan nilai kemanusiaan perlu dilakukan terhadap kumpulan cerpen Paavai agar kalangan remaja kini mengenali nilai kemanusiaan masyarakat India yang terdapat di dalamnya.

Kajian ini meneliti tentang nilai kemanusiaan dalam cerpen karya Paavai. Salah satu unsur yang penting dalam struktur penulisan cerpen ialah watak. Watak yang baik menjadikan perjalanan cerita lebih menarik untuk dibaca serta menghidupkan realiti cerita tersebut. Selain itu watak-watak di dalam cerpen turut membantu menyampaikan tema pengarang dengan lebih jelas. Tidak keterlaluan jika dikatakan cerpenis pada masa kini kurang memberi penekanan terhadap perwatakan watak dalam cerpen masing-masing (Anushea Veni, 2015). Paavai yang menyedari kekurangan cerpen sebegini di dunia sastera telah mengambil langkah untuk





mengubahnya. Beliau mengarang karya sastera yang berpotensi memaparkan nilai kemanusiaan melalui watak-watak cerpen. Nilai kemanusiaan yang terdapat dalam kumpulan cerpen beliau secara tidak langsung menunjukkan interaksi manusia di dalam masyarakat.

Dalam dunia penyelidikan telah banyak kajian dilakukan oleh pengkaji lepas sama ada di dalam maupun luar negara mengenai nilai kemanusiaan. Berdasarkan pemerhatian dan pengamatan pengkaji, kebanyakan pengkaji terdahulu lebih fokuskan ke arah pengamatan dan pengamalan nilai kemanusiaan. Kajian mengenai amalan dan penghayatan nilai kemanusiaan tidak memperlihatkan pentaksiran amalan dan penghayatan itu diukur menggunakan teori tetapi kajian hanya berdasarkan dapatan statistik, peratusan dan kekerapan sahaja. Dalam hal ini, pengkaji sebelum ini kurang mengaplikasikan sebarang teori dalam kajian mereka. Oleh yang demikian, pengkaji rasa bahawa perlu suatu usaha difikirkan dalam melihat teknik dan kaedah yang lebih kritis dan inovatif dilakukan. Hal ini berlaku kerana kajian sebelum ini masih belum dapat menjadi kayu ukur dalam melihat amalan nilai kemanusiaan dalam masyarakat kerana masih bersifat analisis permukaan bukan secara kristis.

Oleh itu, adalah wajar kajian ini dilakukan bagi menambah lagi penyelidikan. Dalam konteks kajian ini, pengkaji menumpukan nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikal* karya Paavai. Pengkaji mengaplikasikan genre cerpen sebagai medium utama dalam menerapkan nilai kemanusiaan kepada semua lapisan masyarakat.





1.4 Objektif Kajian

Kajian yang berjudul “Nilai Kemanusiaan dalam Kumpulan Cerpen *Tāmarai Ilaikal*”

ini dibuat berpandukan kepada objektif-objektif berikut,

- i. Mengenal pasti nilai-nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikal*.
- ii. Menganalisis nilai-nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikal*.
- iii. Menjelaskan unsur-unsur pengajaran yang terkandung dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikal*.



1.5 Persoalan Kajian

- i. Apakah nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikal*?
- ii. Bagaimanakah nilai-nilai kemanusiaan dapat dijelaskan dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikal*?
- iii. Bagaimanakah unsur-unsur pengajaran dapat diuraikan dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikal*?





1.6 Kepentingan Kajian

Terdapat beberapa kepentingan yang mendorong pengkaji melakukan kajian ini. Melalui kajian ini pengkaji dapat mengetengahkan hasil karya terbaik penulis terkenal iaitu Paavai. Kajian ini diharap dapat mengukur sejauh manakah mesej kemanusiaan yang hendak disampaikan oleh Paavai dapat dieksplotasi oleh pengkaji. Kajian ini juga diharap dapat dijadikan sebagai garis panduan kepada penghayatan isi cerpen yang menampilkan nilai kemanusiaan.

Selain itu, dengan mengkaji nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen Paavai, kehidupan masyarakat Tamil keturunan India dari tahun 1989 hingga 2006 dapat dikupas daripada cerpen-cerpen yang ditulis dalam jangka masa tersebut. Dalam kajian ini, nilai kemanusiaan merupakan nilai yang penting kerana ia mencerminkan isu dan masalah, perubahan dalam diri sendiri, keluarga dan masyarakat, pendidikan, politik, kesempitan dan kemiskinan masyarakat di ladang dan pinggir bandar. Permasalahan yang wujud dalam kumpulan cerpen banyak memaparkan persoalan atau isu-isu yang sering berlaku di kalangan masyarakat pada masa kini. Ia dapat membantu pembaca untuk menangani masalah kehidupan secara rasional.

Hasil kajian ini turut menyumbang dari segi keperluan pendidikan dan pengajaran. Penekanan nilai-nilai kemanusiaan yang diterapkan dalam cerpen dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pembaca. Penggarapan nilai-nilai kemanusiaan ini boleh membantu untuk membina keperibadian yang mulia, budi pekerti yang luhur dan memupuk pemikiran yang matang bagi melahirkan warganegara Malaysia yang





mempunyai semangat patriotik, bertanggungjawab, serta sanggup mempertahankan agama, bangsa dan negara.

Di samping itu, kajian mengenai nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen Paavai berguna untuk memupuk nilai-nilai positif dalam diri pembaca. Pembaca dapat mempraktikkan nilai-nilai yang dipupuk dalam amalan sehari-hari. Nilai kemanusiaan yang diperlakukan, secara langsung, akan menjadi panduan dan pedoman dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Ia juga akan memberi kesedaran kepada golongan masyarakat terutama masyarakat India untuk sentiasa bertingkah laku positif dalam apa jua keadaan.

Kajian kumpulan cerpen Paavai juga diharap dapat dijadikan rujukan pada siswazah dan kakak pengkaji-pengkaji lain untuk membuat kajian susulan yang menampilkan cerpen-cerpen berdasarkan nilai kemanusiaan. Kajian ini juga memberi kesedaran serta mendorong para peminat kesusastraan untuk mengenali pengarang cerpen Tamil Malaysia dengan lebih dekat lagi.

1.7 Batasan Kajian

Cerpenis yang dipilih bagi kajian ini merupakan insan yang agak terkenal di Malaysia. Beliau ialah Paavai. Pengkaji memilih cerpen-cerpen karya Paavai sebagai subjek kajian kerana kesemua cerpen Paavai bukan sahaja dihasil daripada imaginasi pengarang sebaliknya pengalaman pengarang sendiri. Penganugerahan yang diterima oleh Paavai cukup untuk membuktikan sumbangan besar beliau dalam bidang





kesusasteraan. Tema yang diutarakan dalam cerpen beliau kebiasanya mengikut peredaran masa terkini. Perkara ini menjadi kekuatan kepada pengkaji untuk memilih tajuk kajian ini.

Kajian ini dibataskan dalam sebuah cerpen karya Paavai sahaja. Rasionalnya, kerana pengkaji mendapati perlunya satu kajian terperinci dilakukan dalam kumpulan cerpen Paavai dari tahun 1989 hingga 2006 untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai kemanusiaan yang ditonjolkan. Selain itu, pengkaji telah menyesuaikan batasan kajian ini dengan objektif kajian. Kajian terperinci ini dapat membantu pengkaji menganalisis cerpen-cerpen dengan lebih mendalam dan jitu. Jadual yang telah dilampirkan di Lampiran A menunjukkan cerpen-cerpen dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikal*.



Setelah membaca, mengenalpasti dan menganalisis 20 buah cerpen karya Paavai, pengkaji telah memilih kesemua cerpen karya Paavai untuk kajian ini seperti paparan dalam Lampiran A. Cerpen-cerpen tersebut dipilih kerana kaya dengan nilai-nilai kemanusiaan selaras dengan teori *Aram* serta bersesuaian dengan tajuk kajian. Cerpen-cerpen tersebut juga dipilih atas dasar tingkah laku watak dan perwatakan positif mahupun negatif yang akhirnya membawa perubahan atau kesan besar kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Cerpen-cerpen yang dipilih bagi kajian ini lebih memaparkan isu-isu yang berlaku dikalangan masyarakat India.

Pengkaji memilih teori *Aram* sebagai teori kajian. Teori ini tidak menjurus kepada etika agama semata-mata tetapi lebih berkonsepkan etika nilai kemanusiaan seseorang insan. Segala nilai yang diterapkan dalam teori ini relevan dengan





peredaran masa dan boleh diamalkan tanpa batasan agama, bangsa dan negara. Teori *Aram* dibahagi kepada empat bahagian iaitu *pāyiraviyal* (doa), *illaraviyal* (kekeluargaan), *turavaraviyal* (perlepasan nafsu) dan *ūliyal* (karma hidup). Daripada empat bahagian pengkaji hanya memilih *illaraviyal* (kekeluargaan) yang mengandungi 20 bab. Jadual yang telah dilampirkan di Lampiran B menunjukkan 20 bab *Illaraviyal* (Kekeluargaan).

Hal ini demikian kesemua bab ini membincangkan institusi kekeluargaan dan tatasusila kehidupan selaras dengan nilai-nilai kemanusiaan yang dibincangkan dalam cerpen *Tāmarai Ilaikal*.



Sumber kajian ini, terdiri daripada sumber primer dan sumber sekunder. Pengkaji menggunakan kedua-dua sumber ini dalam menjalankan penyelidikan tersebut.

1.8.1 Sumber Primer

Dalam kajian ini sumber yang dirujuk untuk memperoleh data primer ialah kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikal* karya Paavai. Pengkaji mengkaji kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikal* bagi mengenal pasti dan menganalisis nilai kemanusiaan yang terdapat dalam kumpulan cerpen tersebut.





1.8.2 Sumber Sekunder

Kajian ini telah merujuk sumber sekunder seperti kamus dewan, kajian ilmiah peringkat kedoktoran dan sarjana, ulasan artikel-artikel, jurnal dan buku-buku sastera yang berhubungkait dengan tajuk kajian ini iaitu “Nilai Kemanusiaan dalam Kumpulan Cerpen *Tāmarai Ilaikal*”. Kamus dewan digunakan untuk merujuk definisi operational bagi nilai, kemanusiaan, cerpen dan perkataan-perkataan yang berkaitan kajian ini. Kajian ilmiah peringkat kedoktoran dan sarjana, ulasan artikel-artikel dan jurnal pula digunakan untuk mendapatkan kajian-kajian lepas dan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian. Buku-buku sastera digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang asal usul cerpen, cerpenis dan teori *Aram*.



1.9 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, pengkaji ingin menyentuh dan menghuraikan beberapa istilah yang berkaitan dengan tajuk kajian untuk pemahaman yang lebih lanjut tentang kajian yang dijalankan.

1.9.1 Nilai

Othman Puteh (1983) menyatakan bahawa nilai merupakan unsur yang terdapat dalam semua ajaran moral yang popular dan ia berdasarkan pengiktirafan bahawa individu dalam sesuatu kelompok sosial itu saling memerlukan antara satu sama lain. Ini



mendorong sesuatu tindakan yang memungkinkan individu dan kelompok itu mencapai keperluan mereka. Nilai memberi panduan kepada masyarakat. Nilai merupakan paradigma rujukan dalam mengawal, dan mengatur perlakuan anggota masyarakat.

Selain daripada pengertian yang diberikan di atas, seorang tokoh ilmiah Indonesia iaitu Soekonto Soerjono (1982) pula mendefinisikan “Nilai merupakan konsepsi-konsepsi abstrak dalam diri manusia tentang apa yang baik dan apa yang buruk. Sistem nilai tersebut tumbuh hasil daripada pengalaman manusia dalam mewujudkan interaksi sosial”. (ms.81).

Seorang ahli fikir India yang terkenal iaitu Mukerjee, Radhakamal (1965) menyatakan bahawa nilai terbit daripada keinginan dan motif; dan dibentuk serta diperakukan oleh budaya dan masyarakat. Nilai mengikut individu secara halus dan senyap. Nilai-nilai yang wujud dan dianuti semasa interaksi sosial berlaku, memberikan makna kepada individu tentang kepercayaan, peraturan dan norma hidup sesebuah masyarakat. Budaya dan masyarakat memberi panduan kepada individu tentang perbezaan, pemeringkatan dan penilaian terhadap desakan, keinginan dan matlamat perlakuan hidup individu dalam pelbagai bidang hidup seperti sosial, fizikal, rohani dan kebudayaan.

Sufean Hussin (1995) menyatakan bahawa nilai ialah darjah dan peraturan yang secara bergabung membina cara hidup seseorang manusia. Nilai menggariskan ideal-ideal dan matlamat hidup. Menurutnya lagi, nilai ialah darjah normatif dan peraturan kerana nilai menjadi asas pegangan yang mempengaruhi pemikiran



manusia, semasa membuat pertimbangan dalam menentukan cara dan gaya bertindak satu bertingkah laku sebaik-baiknya untuk mengekalkan kesejahteraan dirinya.

Berdasarkan hujah-hujah para sarjana seperti di atas, konsep yang dijelaskan oleh Othman Puteh lebih mantap dan relevan dengan kajian ini; iaitu nilai merupakan satu perspektif asas dalam mencipta peradaban manusia serta peraturan yang akan menjadi dasar kepada sistem dan kerukunan hidup manusia sejagat. Karya-karya sastera mempunyai pelbagai fungsi terutama sekali dalam mengutarakan nilai sama ada yang tersurat atau tersirat dalam setiap karya sastera.

1.9.2 Kemanusiaan



Nilai kemanusiaan adalah nilai tentang harkat manusia. Manusia merupakan makhluk yang tertinggi di antara makhluk ciptaan Tuhan, sehingga nilai-nilai kemanusiaan itu mencerminkan kedudukan manusia sebagai makhluk tertinggi di antara makhluk-makhluk lainnya. Seseorang yang mempunyai nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi menghendaki masyarakat memiliki sikap dan perilaku sebagai layaknya manusia. Sebaiknya, dia tidak menyukai sikap dan perilaku yang sifatnya merendahkan manusia lain. Jadi, manusia harus berperikemanusiaan dan bukan berperikebinatangan.

Awang Had Salleh dalam ruangan “Sastera dan Budaya”, Berita Harian (21 Disember 2001) menyatakan “Pendidikan Sastera Meningkatkan Keinsafan Individu”. (ms. 5). Kesedaran individu membuktikan bahawa nilai kemanusiaan dalam sastera





mampu menginsafkan individu dan kelompok masyarakat. Beliau juga berpendapat bahawa nilai kemanusiaan merupakan sifat atau keadaan yang murni mendasari tanggapan atau persepsi sesebuah masyarakat terhadap perlakuan manusia. Nilai-nilai kemanusiaan juga dapat dilihat jelas melalui Sukatan Pendidikan Moral yang diajar di sekolah. Matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia menerusi Pendidikan Moral adalah untuk membentuk insan yang berakhhlak mulia, bertanggungjawab bagi mewujudkan masyarakat yang harmoni dan menjamin kestabilan negara.

Menurut Nyia See Keng (2004), nilai dan kemanusiaan adalah dua unsur yang tidak dapat dipisahkan dalam perbicaraan mengenai aspek kemurniaan dalam kehidupan seharian. Konsep nilai dapat dilihat dalam pelbagai aspek, contohnya kemanusiaan yang berkaitan dengan perkembangan diri, kemanusiaan berkaitan dengan diri dan keluarga, kemanusiaan berkaitan dengan diri dan masyarakat serta bangsa, kemanusiaan yang berkaitan dengan diri dan alam sekitar, kemanusiaan yang berkaitan dengan diri dan negara serta lain-lain lagi.

Rumusan daripada pendapat para sarjana dan pengkaji di atas, maka jelaslah nilai-nilai kemanusiaan merupakan satu perspektif asas dalam mencipta peradaban manusia serta peraturan yang akan menjadi dasar kepada sistem kerukunan hidup manusia. Karya-karya sastera mempunyai pelbagai fungsi, terutamanya dalam mengutarakan unsur-unsur didaktik dan pengajaran yang terselit dalam setiap karya sastera. Nilai-nilai kemanusiaan yang tersirat dalam karya sastera seperti cerpen dapat diterapkan kepada masyarakat yang membaca bahan sastera tersebut. Pemahaman daripada nilai-nilai kemanusiaan yang tersirat itu diharapkan dapat membentuk nilai-nilai positif.





1.9.3 Cerpen

Cerpen secara umumnya ialah penyataan penulis berdasarkan idea yang terbina daripada pengalaman, pengamatan dan pengetahuan yang ditulis dengan cara yang indah. Para penulis sebenarnya menghancur leburkan fikiran-fikiran yang lapuk dan basi yang wujud dalam sesebuah masyarakat (Ramamurthi, 2010).

Menurut Othman Puteh (1997), cerpen sebagai genre kesusastraan yang padat dan ringkas menuntut pengarang agar menjadi lebih berdisiplin dan bersikap ekonomi dalam penggunaan bahasa. Cerpen tergolong dalam kategori karya sastera kreatif-imaginatif, genre cereka dan prosa naratif. Jika diperhatikan secara mendalam, cerpen mempunyai sejarahnya yang tersendiri dan mendapat wadah yang wajar, terutamanya dalam bentuk majalah, surat Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, dan buku. Maka, tidak mustahil jika cerpen dikatakan genre prosa baharu yang paling diminati, disenangi, dan dihayati. Oleh sebab itu, cerpen bukan lagi bahan bacaan ringan, malah menjadi genre yang popular dan memiliki nilai sastera yang tinggi.

Manakala Krishnan Maniam (1993), menyatakan bahawa walaupun cerpen merupakan suatu genre yang membawa kisah yang singkat dan hanya menceritakan suatu sudut kehidupan, tetapi cerpen mempunyai sifat yang lengkap. Unsur-unsur tema, plot, watak, latar menjadi sangat penting bagi sesuatu cerpen yang baik.

Ali Ahmad (1978) pula mendefinisikan cerpen sebagai sejenis cereka yang tercipta dalam peradaban moden. Ia muncul dari pencarian betul bagi memuatkan cerita-cerita yang lebih munasabah berdasarkan kebenaran pengalaman manusia





sehari-hari. Oleh itu, cerpen adalah satu bentuk sastera yang sangat terbatas oleh bentuknya yang pendek, pelukisan watak dan pendalaman jiwa yang sangat terhad. Menurut Hashim Awang (1981), cerpen ialah satu bentuk cereka pendek, membawa persoalan bagi menghasilkan suatu kesan tertentu yang indah. Ia memyesatkan daripada satu watak dalam suatu situasi di suatu tempat dan ketika.

Secara keseluruhanya, cerpen boleh dijadikan rujukan dan mampu memberikan ajaran kepada masyarakat. Cerpen bukanlah karya kosong semata-mata tanpa nilai yang berguna kepada manusia. Sebaliknya, banyak nilai-nilai kemanusiaan yang telah diselitkan di dalamnya supaya dapat membentuk para pembaca menjadi insan yang berkeperibadian unggul.



1.10 Kesimpulan

Kesimpulanya, kajian “Nilai Kemanusiaan dalam Kumpulan Cerpen *Tāmarai Ilaikal*” memberi fokus rapi kepada nilai kemanusiaan yang terdapat dalam kumpulan cerpen. Kajian ini juga dapat dijadikan garis panduan kepada penghayatan isi cerpen yang menampilkan nilai kemanusiaan. Nilai kemanusiaan yang telah dicungkilkan ialah nilai peradaban yang akan menjadi panduan kepada kita untuk dijadikan pedoman dalam menjalani kehidupan seharian.

Kajian ini tidak terpesong daripada landasan objektifnya iaitu perkara asas kepada sesuatu kajian seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif





kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi konsep dan sumber kajian masih diberi tumpuan.

Pada umumnya, para penulis cerpen Tamil bertanggungjawab untuk menyampaikan mesej tertentu kepada pembaca cerpen. Oleh itu, nilai kemanusiaan bersama dengan isu sosial merupakan komponen utama cerpen yang dijadikan senjata dalam mempengaruhi pemikiran para pembaca.

